

**TEKS PERBAHASAN**  
**PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022/23**

**N02 BERTAM**

**UCAPAN PERBAHASAN MENGENAI PEMBAKARAN TERBUKA SAMPAH SARAP DI KAWASAN PULAU PINANG**

Salam sejahtera dan salam muhibah kepada YAB Ketua Menteri, Timbalan Ketua Menteri 1 & 2, Barisan EXCO dan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang saya kasihi.

Terima kasih kepada Dato Yang di-Pertua Speaker Dewan kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam sesi pagi ini.

Saya ingin memulau ucapan saya dengan menyampaikan keprihatinan mendalam atas pembakaran terbuka sampah sarap yang terjadi di Kawasan Pulau Pinang.

Pembakaran terbuka sampah sarap merupakan tindakan yang sangat merugikan lingkungan dan kesehatan masyarakat. Dampak dari pembakaran terbuka sampah sarap ini sangatlah serius, tidak hanya mengganggu kualitas udara dan menghasilkan polutan yang berbahaya bagi kesehatan manusia, tetapi juga dapat memicu bencana kebakaran hutan yang dapat mengancam kehidupan flora dan fauna di wilayah tersebut.

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Pengarah Jabatan Alam Sekitar pada tahun 2022 menunjukkan Pulau Pinang merekodkan kes pembakaran terbuka sampah sarap tertinggi tahun lalu. Pengarah Jabatan Alam Sekitar mengatakan bahawa pada tahun 2022, negeri ini merekodkan sebanyak 670 kes pembakaran terbuka sampah sarap berbanding hanya 473 kes pada 2019. Menurut Pengarah Jabatan Alam Sekitar (Puan Sharifah Zakiah), berdasarkan aduan dan siasatan yang dijalankan, pihaknya mendapati kes pembakaran sisa-sisa sampah sarap di kawasan kediaman adalah kes tertinggi. Tahun lalu sebanyak 550 aduan diterima oleh Jabatan Alam Sekitar mengenai aktiviti pembakaran sampah sarap. Kesan pembakaran sampah sarap yang

paling membimbangkan ialah masalah pencemaran udara. Keadaan ini boleh menjejaskan kesihatan orang ramai, terutama mereka yang alahan. Udara yang kotor boleh menyebabkan penyakit yang berkaitan dengan pernafasan. Mereka yang menghidap penyakit asma berisiko tinggi untuk menghadapi masalah sesak nafas, manakala mereka yang sihat juga mudah mendapat jangkitan batuk, mata gatal dan sakit tekak. Selain daripada penyakit itu, pencemaran pun boleh menyebabkan batuk, selesema, mata berair dan asma.

Soalan saya, apakah kerajaan negeri mengambil tindakan terhadap isu-isu ini.

Tindakan yang boleh dilakukan supaya Pembakaran Terbuka tidak berlaku lagi. Langkah yang boleh dilakukan bagi mengelakkan kejadian ini berlaku adalah kerajaan negeri boleh bekerjasama dengan pihak polis bagi membuat rondaan dari semasa ke semasa termasuk hari cuti umum atau cuti perayaan dan mereka yang melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan kompaun sebanyak RM2,000 bagi setiap kesalahan yang dilakukan. Tambahnya, untuk kesalahan yang serius, kesalahan itu juga boleh didakwa di mahkamah di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang mana jika disabit kesalahan boleh dikenakan denda maksimum RM500,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-dua sekali.

Langkah Kedua adalah kerajaan negeri boleh berkerjasama dengan pihak polis dan pihak bomba bagi memganjurkan sebuah kempen di sekeliling rumah untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat agar berhenti daripada melakukan pembakaran sampah sarap yang bakal mengundang risiko yang negatif terhadap alam sekitar dan udara.

Langkah ketiga adalah kerajaan negeri boleh bekerjasama dengan pihak sekolah bagi memberikan Pendidikan kepada pelajar. Program Pendidikan sangat penting supaya kesedaran mengenai pentingnya penjagaan alam sekitar dan kesan aktiviti manusia yang boleh menjejaskan alam sekitar seperti pembakaran sampah sarap ini boleh didedahkan dengan lebih awal. Sebagai contoh di peringkat sekolah rendah, pelajar akan menerima pendidikan tersebut dalam mata pelajaran Alam dan Manusia manakala semasa di peringkat menengah pula, pelajar akan menerima pendidikan tersebut dalam biologi.

Kesimpulannya, pencemaran udara seperti pembakaran terbuka sampah sarap memberi impak yang sangat buruk terhadap dunia kita dan perlu ditangani segera sebelum keadaan menjadi lebih kritikal. Hal ini kerana manusia dan juga hidupan lain memerlukan alam sekitar yang terjamin dalam meneruskan kehidupan di dunia ini. Sebagai contoh, manusia memerlukan bahan makanan secara berterusan. Sekiranya sumber makanan telah tercemar dan rosak maka bekalan makanan akan terjejas. Memandangkan pembakaran terbuka memberi kesan menyeluruh kepada manusia dan alam sekeliling. Dengan itu, kerajaan negeri perlu bekerjasama dalam mengambil tindakan bagi mengatasi masalah tersebut.

Sekian Ucapan saya.

Terima Kasih

**Clement Chan Rui Qin**

**N02 Bertam**

**Sidang Muda 2022/23**

